



LEE TIAN HOCK

# Pusat Perubatan Mawar sasar perolehan RM60j

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI

**SEREMBAN** – Pusat Perubatan Mawar (MMC) menyasarkan perolehan bakal mencecah kepada RM60 juta menjelang bulan Mac 2023.

Pengerusi Pusat Hemodialisis Mawar (PHM) yang memiliki pusat perubatan tersebut, Datuk Lee Tian Hock berkata, nilai unjuran itu mampu dicapai ekoran perkembangan baik hasil MMC yang bertambah selama lima bulan sejak April lalu dan kini mencatat sebanyak RM22.2 juta.

“Hasil audit pendapatan untuk 12 bulan yang berakhir 31 Mac lalu, MMC telah menjana sebanyak RM44.61 juta yang mana nilai tersebut telah melebihi sasaran sebanyak RM42 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian mesyuarat agung tahunan ke-25 PHM di sini semalam.

Tian Hock menjelaskan, bagi memastikan hasil pendapatan bertambah baik, sebanyak 77 katil sedang dalam pelaksaa-

naan untuk disediakan di MMC.

“Kami menjangkakan untuk mewujudkan sebanyak 57 katil apabila sembilan wad kenamaan dijangka siap sepenuhnya bulan hadapan dan 20 katil lagi akan disiapkan tahun hadapan.”

“Sasaran kami adalah untuk mempunyai 77 katil sebelum berakhir tahun 2024,” katanya lagi.

Tian Hock menerangkan, sehingga kini, sebanyak RM8.4 juta telah diperuntukkan bagi menambah baik kemudahan dan sistem pengurusan kearah teknologi yang lebih canggih serta membeli barang perubatan.

Dalam pada itu, Tian Hock menjelaskan, bagi projek amal, PHM telah membantu sebanyak 169 pesakit yang kurang berkemampuan menerusi subsidi kebajikan dan penajaan.

“Kami juga telah menyerahkan sumbangan bagi pembinaan Hospital Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebanyak RM100,000 daripada pihak Hospital Pakar CMH kepada Tabung Pendidikan UTAR,” katanya.